

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1989

PENGECUALIAN BAYARAN UPAH UKUR BAGI TANAH TAPAK RUMAH AWAM KOS RENDAH

Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 2hb. Ogos, 1989 semasa menimbang Kertas Bil. 13/328/89 (19), (fail SUK.S (D)13(04)200) telah membuat keputusan seperti berikut :-

“Majlis Mesyuarat menimbang Kertas Bil. 13/328/89 dan membuat keputusan bersetuju dengan pengesyoran sebagaimana di perenggan 5 kertas tersebut.

Majlis Mesyuarat juga membuat keputusan supaya bayaran upah ukur bagi tanah tapak-tapak rumah awam Kos Rendah ini dikecualikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Kelantan, selaras dengan projek-projek perumahan Kos Rendah Awam yang baru yang mana upah ukur semuanya dikecualikan”.

2. Dengan adanya keputusan di atas Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan dengan ini mengecualikan bayaran upah ukur bagi semua Projek-Projek Rumah Awam Kos Rendah mengikut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 4(2A) National Land Code (Survey Fees) Order, 1965 (P.U.(A) 357/87-29hb. Oktober, 1981). Semua Pentadbir Tanah Jajahan adalah diingatkan supaya mengemukakan kepada Pejabat ini Sijil Pengecualian Bayaran Ukur untuk ditandatangani.

3. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil. 2/1980. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka perenggan 2 kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil. 1 tahun 1988 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

t.t

(**Tengku Elias Bin Tengku Mahmood**)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU**

BERTARIKH : 22HB. OGOS 1989

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YABrs. Pengarah Ukur Kelantan.
10. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.
11. YBrs. Penolong Setiausaha Perumahan.

FAIL : P.T.G. KN. 4/2/15 / (27)